

Teks Ucapan Sempena Majlis Penyampaian Sumbangan YAB Perdana Menteri Dan Penyerahan Komputer # thetaCares

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 22/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN YAB PERDANA
MENTERI DAN PENYERAHAN KOMPUTER #thetaCares**

**22 OKTOBER 2022 | SABTU | 10.00 PAGI
DEWAN KONVENSYEN MAJLIS DAERAH BERA, BERA,
PAHANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada pagi ini di **Majlis Penyampaian Sumbangan dan Penyerahan Komputer #thetaCares.**

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Theta Edge Berhad, terutamanya Yang Berusaha Puan Nuraslina Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Theta Edge Berhad kerana menaja sumbangan ini.

3. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Dato Zaman Azam bin Mohamat Sarif @ Ahmat, Pegawai Daerah Bera, Yang Berbahagia, Supt. Haji Mansor bin Haji Samsudin, Ketua Polis Daerah Bera, serta semua pihak yang terlibat termasuklah penerima sumbangan yang hadir.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Kerajaan sentiasa menitikberatkan penguasaan literasi digital dalam kalangan Keluarga Malaysia terutamanya ketika negara menempuh era revolusi industri 4.0 dan melangkah ke hadapan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

5. Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, internet pelbagai benda (IoT), analisis dan data raya, integrasi sistem, penggunaan robotik dan pengkomputeran awan yang bakal merencanakan kemajuan landskap dunia moden.

6. Untuk makluman semua, literasi digital yang kita miliki hari ini mewakili sebahagian ilmu yang terlalu kecil berbanding apa yang bakal hadir pada

masa hadapan, bahkan ketika itu pasaran kerja memerlukan individu berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

7. Ini kerana dalam revolusi industri 4.0, segala urusan harian manusia akan banyak bergantung kepada teknologi terkini seperti automasi robotik yang dicipta khusus untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan manusia.

8. Sebagai contoh, ketika saya merasmikan Hospital Bera, saya terpegun melihat penggunaan robotik yang menghantar makanan kepada pesakit di wad. Ini merupakan bukti kecanggihan teknologi moden yang diguna pakai di hospital itu.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

9. Penggunaan teknologi muktahir ini membawa cabaran baharu kepada semua sektor dalam negara ini yang memerlukan mereka berubah seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing.

10. Kerajaan turut melancarkan Inisiatif Malaysia Digital (MD) pada Julai lalu yang memberi isyarat kepada dunia bahawa Malaysia bersiap siaga untuk meletakkan negara di saf hadapan dalam sektor ekonomi digital.

11. Minggu lepas, saya telah merasmikan Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Keluarga Malaysia di FELDA Bukit Puchong bagi menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti agar lebih ramai dapat bergiat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

12. Inisiatif seperti Ruang Reka ini sekurang-kurangnya dapat membantu mewujudkan masyarakat yang celik teknologi kerana kita tidak mahu ada yang tertinggal dalam arus kecanggihan teknologi kelak.

13. Bagi memastikan pelajar golongan B40 tidak ketinggalan dalam kaedah pembelajaran pada pasca pandemik ini, Kerajaan telah melaksanakan program PerantiSiswa, tablet berkualiti tinggi ini diberikan secara terus kepada kira-kira 400,000 pelajar yang layak secara percuma.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

14. Kerajaan telah membentangkan Bajet 2023 di Dewan Rakyat pada 7 Oktober lepas yang merangkumi pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada seluruh Keluarga Malaysia.

15. Kerajaan hari ini sentiasa mengutamakan pembangunan digital dan kekal komited mewujudkan masyarakat celik teknologi. Antaranya:

i. Bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan belia,

Pakej Remaja Keluarga Malaysia dengan tawaran langganan pelan data internet dengan hanya RM30 akan dilanjutkan sehingga April 2023.

ii. **Inisiatif e-Pemula** sebanyak RM200 untuk 2 juta belia dan pelajar sepenuh masa serta RM100 kepada kumpulan M40.

iii. Kerajaan akan memperluas tafsiran peranti digital di bawah **Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar** untuk turut merangkumi jam tangan pintar.

iv. Di bawah projek **Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2**, Kerajaan akan menyediakan 100 peratus liputan internet di kawasan berpenduduk.

v. Pelaksanaan **Projek Internet Luar Bandar** dengan mengoptimumkan jaringan kabel elektrik untuk menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi kepada lebih 60,000 penduduk luar bandar.

vi. Digital Nasional Berhad (DNB) akan **memperluas rangkaian 5G** di seluruh negara merangkumi 70 peratus kawasan berpendudukan tinggi. Keluarga Malaysia juga bakal menikmati kelajuan internet lebih pantas dan capaian internet 5G yang lebih murah.

16. Agenda literasi digital mampu ditingkatkan dan menjadi kenyataan jika saya menerajui semula Kerajaan. Saya berharap anda semua mampu

membuat penilaian yang tepat dan mengundi semula Kerajaan saya pada 19 November ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

17. Akhir kata, saya menyeru semua penerima sumbangan ini supaya dapat menjaga dan juga memanfaatkan sumbangan yang diterima ini dengan sebaik-baiknya.

18. Saya percaya ledakan digital ini dapat melahirkan Keluarga Malaysia yang celik IT selain memberi ruang kepada lebih banyak inovasi yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa suatu hari nanti, Insya-Allah.

19. Dengan hasrat tersebut, saya sudahi ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-penyampaian-sumbangan-yab-perdana-menteri-dan-penyerahan-komputer-thetacares/>